

**Institut Pengajian Islam Pergas**  
Wisma Indah, 448 Changi Road  
#03-01, Singapore 419975

# DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM

**Mulakan Pengajian Islam Anda Sekarang**

Hubungi kami di **63469351 / 63469354**  
atau emel ke **ipip@pergas.org.sg**

**ipip.sg**



# DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM

Diploma Pengajian Islam merupakan program yang diwujudkan bagi memberi peluang kepada pelajar untuk memahami dan mendalami ilmu pengetahuan Islam yang merangkumi pelbagai aspek termasuk kepentingan berdakwah. Memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan beberapa aspek pengurusan, perancangan dan isu-isu dalam melaksanakan aktiviti dakwah serta mampu menghadapi cabaran semasa. Mengaplikasikan pendekatan berdakwah sebagaimana yang dianjurkan dalam al-Quran dan as-Sunnah bagi mempertingkatkan mutu kualiti ibadah terhadap diri, keluarga dan masyarakat.

## Matlamat Program

- ✓ Melengkapkan peserta dengan ilmu-ilmu alat untuk membantu memahami Islam dan hukum-hukum Islam dengan lebih jelas
- ✓ Menjelaskan dan melatih peserta akan kepentingan dakwah, dasar-dasar dakwah pemikiran dakwah Islamiah sesuai dengan konteks semasa kehidupan di Singapura
- ✓ Membentuk pemikiran yang lebih kreatif dan kritikal mengikut perspektif Islam

## MATA PELAJARAN

### Ringkasan Kursus

**Pengurusan & Kepimpinan Dakwah**  
Modul ini memberi pengetahuan umum berkaitan beberapa aspek dalam pengurusan, perancangan, perubahan lanskap sosial, pembagunan sumber daya manusia (tarbiah) dan isu-isu dalam kepimpinan.

**Fiqh Minoriti Muslim**  
Modul ini menekankan tunggak-tunggak asas bagi fiqh minoriti, serta contoh-contoh penerapan fiqh minoriti dalam persoalan akidah, ibadah, kekeluargaan, persoalan makanan & minuman, urusan dan perhubungan kemasyarakatan.

**Maqasid Syariah**  
Modul ini merangkumi pengenalan Maqasid Syariah, kepentingan, sejarah dan aplikasi Maqasid dalam konteks masa kini.

**Metodologi Kajian Ilmiah**  
Modul ini merangkumi tiga aspek penting kajian ilmiah iaitu dari sudut teori, praktikal dan etika seorang pengkaji agar dapat menghasilkan kajian yang baik.

**Tafsir Maudhui**  
Modul ini akan menggunakan metode tafsir maudhui melalui pemilihan topik tertentu kemudian menghimpun ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan topik kemasyarakatan, Keimanan & Keyakinan terhadap Pencipta dan Keperluan Manusia dalam Al-Quran.

**Tasawwur Islam**  
Modul ini memperkenalkan dan memberi kefahaman berkenaan pandangan hidup Islam agar menjadi Muslim yang baik yang berpegang pada nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka.



### Tajuk Kursus

Sejarah Islam Di Nusantara	Fiqh Minoriti Muslim	Tasawwur Islam
Metodologi Kajian Ilmiah	Hadith Maudhui	Tafsir Maudhui
Kesederhanaan Dalam Islam	Tauhid	Bahasa Arab Klasikal 2-4
Sistem-Sistem Islam	Maqasid Syariah	Tafsir Ayat-Ayat Hukum
Pengurusan & Kepimpinan Dakwah		Pembahasan Fiqh Semasa

### Penilaian

- ✓ Pelajar perlu konsisten di dalam menghadiri kursus untuk dinilai.
- ✓ Penilaian akan merangkumi kuiz, tugas dan ujian.
- ✓ Ujian hafalan Al-Quran dari surah Al-Kahfi.

<b>Jadual</b>	Jumaat: 7.30 mlm - 10.10 mlm Sabtu: 2.30 ptg - 8.30 mlm
<b>Tempat</b>	Wisma Indah
<b>Tempoh</b>	2 tahun

### Syarat Kemasukan

- ✓ Lulus Sijil Lanjutan Pengajian Islam
- ✓ Pelajar Madrasah Sepenuh masa yang lulus menengah 4
- ✓ Sijil-sijil kursus lain yang setaraf dan relevan (*akan dipertimbangkan oleh Jabatan Pendidikan Pergas*)
- ✓ Pelajar yang mempunyai latar belakang pembelajaran asas Bahasa Arab

### Pengambilan

Pertama: Januari (*Pendaftaran pada bulan Oktober - November*)  
Kedua: Julai (*Pendaftaran pada bulan Mei - Jun*)

### Yuran\*

Pendaftaran: \$150 (*Wang tidak akan dikembalikan*)  
Pengajian: \$1500 (*satu semester*)  
Bulanan: \$250

\*Pelajar diwajibkan menggunakan Giro

### Pendaftaran

Pendaftaran melalui online di [www.ipip.sg](http://www.ipip.sg).